

TAKLIMAT SYARAT UMUM DAN PROSEDUR PERMOHONAN : ANUGERAH KHAS YB MENTERI PENDIDIKAN TINGGI : REKA BENTUK KURIKULUM DAN PENYAMPAIAN INOVATIF (AKRI) TAHUN 2025

TARIKH	: 24 JUN 2025 (SELASA)
MASA	: 8.30 PAGI – 1.00 TENGAH HARI
PANEL	: PROF. MADYA DR. AZIDAH ABU ZIDEN PENGARAH BAHAGIAN KECEMERLANGAN AKADEMIK JABATAN PENDIDIKAN TINGGI

LATAR BELAKANG AKRI

**ANUGERAH PEMIKIRAN DAN REKA
BENTUK SEMULA PENDIDIKAN TINGGI
MALAYSIA (APRS)**

**ANUGERAH KHAS YB MENTERI PENDIDIKAN
MALAYSIA: REKA BENTUK KURIKULUM DAN
PENYAMPAIAN INOVATIF (AKRI)**



KATEGORI AKRI



KURIKULUM PROGRAM PENGAJIAN INOVATIF

PENGAJARAN TRANSFORMATIF

PENTAKSIRAN ALTERNATIF

PENGALAMAN PEMBELAJARAN IMERSIF

- **PENGALAMAN PEMBELAJARAN IMERSIF MAYA**
- **PENGALAMAN PEMBELAJARAN IMERSIF TERADUN**
- **PENGALAMAN PEMBELAJARAN IMERSIF BERSEMUKA**

PENYERTAAN DAN NILAI ANUGERAH



Penyertaan adalah terbuka kepada semua universiti awam, institusi pendidikan tinggi swasta, politeknik dan kolej komuniti sama ada di peringkat institusi atau individu



Semua penyertaan mestilah berasaskan kepada projek-projek dan inisiatif reka bentuk semula pendidikan tinggi yang telah dilaksanakan berserta dengan bukti keberkesanannya



Semua penyertaan yang berjaya disenarai pendek akan dijemput untuk membuat pembentangan (*Pitching*) untuk tujuan pemilihan pemenang Hadiah Tempat Pertama, Kedua dan Ketiga




STATISTIK PENYERTAAN DARI 2017-2024



SYARAT UMUM AKRI TAHUN 2025





- 1. Permohonan adalah terbuka kepada semua Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) di dalam negara termasuk Universiti Awam (UA), Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), Politeknik dan Kolej Komuniti.
- 2. Penyertaan permohonan kategori individu atau kumpulan terbuka kepada semua ahli akademik warganegara dan bukan warganegara yang berkhidmat secara tetap atau kontrak sepenuh masa di IPT di Malaysia.
- 3. Permohonan untuk **empat (4) kategori utama** adalah seperti berikut:
 - i. **Kurikulum Program Pengajian Inovatif** adalah secara **institusi**
 - ii. **Pengajaran Transformatif**
 - iii. **Pentaksiran Alternatif**
 - iv. **Pengalaman Pembelajaran Imersif**

Penyertaan adalah secara **individu atau kumpulan**.
- 4. Setiap IPT hanya dibenarkan menghantar satu penyertaan bagi setiap kategori.

5

- Penganjur, Urusetia, Ahli Jawatankuasa Induk dan Ahli Jawatankuasa Pemilih AKRI 2025 tidak boleh memohon atau menjadi ahli kumpulan yang menyertai AKRI 2025.

6

- Semua pemenang Anugerah Akademik Negara (AAN) bagi Kategori Pengajaran tidak dibenarkan untuk memohon atau menjadi ahli kumpulan yang menyertai AKRI.

7

- Semua pemenang AKRI terdahulu tidak dibenarkan memohon dalam kategori atau sub kategori yang sama.

8

- Walau bagaimanapun, projek yang sama dibenarkan memohon di dalam kategori yang lain.



9

- Setiap pemohon perlu mengisi borang Maklumat Permohonan AKRI 2025 melalui Sistem Permohonan Anugerah Kecemerlangan Akademik di pautan <https://spaka.mohe.gov.my>. Maklumat yang diperlukan adalah seperti di **Lampiran A**.

10

- Pemohon tidak dibenarkan untuk menggunakan bahan yang mempunyai hak cipta di dalam permohonan tanpa sebarang kenyataan yang merujuk kepada pencipta, pemilik hak cipta atau pelaku. KPT tidak bertanggungjawab di atas dakwaan terhadap sebarang pelanggaran berkaitan hak cipta.

11

- Semua permohonan (pemohon dan bukti penerbitan) perlu diteliti dan disahkan oleh IPT agar tiada unsur penglibatan jurnal pemangsa (*predatory journal*).

12

- Setiap permohonan perlu diselaraskan dan diteliti terdahulu oleh penyelaras AKRI yang dilantik oleh IPT masing-masing.



13

- Hanya permohonan yang disenarai pendek oleh Jawatankuasa Pemilih AKRI 2025 sahaja akan melalui sesi pitching.

14

- Sekiranya terdapat sebarang maklumat palsu, KPT berhak menarik semula anugerah tersebut.

15

- Semua permohonan yang layak akan dinilai oleh Jawatankuasa Pemilih AKRI 2025 mengikut kriteria penilaian yang telah ditetapkan.



16

- Pemohon perlu mengambil kira amalan beretika dan pemantauan standard kesaksamaan (*equity*), kepelbagaian (*diversity*), dan keterangkuman (*inclusion*).

17

- Pemohon adalah bertanggungjawab untuk memastikan keaslian permohonan dengan membuat deklarasi terhadap penggunaan teknologi kecerdasan buatan generatif.

18

- Keputusan Jawatankuasa Induk AKRI 2025 **ADALAH MUKTAMAD.**



LAMPIRAN A

Borang Maklumat Permohonan AKRI 2025 melalui Sistem Permohonan Anugerah Kecemerlangan Akademik perlu mengandungi perkara di bawah:

1. Kategori/sub-kategori
2. Nama pemohon
3. E-mel rasmi IPT masing-masing
4. Nama Institusi Pendidikan Tinggi
5. Fakulti/Jabatan/Institut
6. Alamat
7. Tajuk projek/inisiatif
8. Penyertaan individu/berkumpulan
9. Nama ahli kumpulan (jika ada)
10. Dokumen sokongan dan pembuktian bentuk *e-book* (maksimum 100MB). Sekiranya *e-book* melebihi saiz 100MB, sila gunakan pautan yang dipendekkan (menggunakan platform seperti *Bitly*, *Google URL Shortener* dan sebagainya).

Penyediaan dokumen sokongan perlu mengambil kira panduan di bawah:

- i. Pemohon hanya dibenarkan menggunakan platform *Google Drive* untuk mengemukakan pembuktian.
- ii. Pemohon tidak dibenarkan untuk membuat pindaan kepada pembuktian selepas tarikh tutup permohonan.

Semua video (jika ada) perlu dimuat naik dalam YouTube dan dikemukakan dalam bentuk pautan YouTube dalam *e-book*.

- iv. Pautan kepada *Google Drive* tersebut perlu diberi akses kepada umum (*public*). Sekiranya pautan tidak dapat diakses oleh penilai, dokumen sokongan tersebut tidak akan dinilai.

PROSEDUR DAN TATACARA PERMOHONAN



PERATURAN DAN TATACARA PERMOHONAN

1




Setiap permohonan hendaklah diperakukan oleh **Ketua Institusi** yang terdiri dari Naib Canselor/setaraf atau Timbalan Naib Canselor/setaraf. Sekiranya borang permohonan ditandatangani oleh wakil/pemangkunya, surat penurunan kuasa tersebut perlu disertakan.

2




Pemohon dibenarkan untuk mengemukakan permohonan di dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.

3



Semua permohonan hendaklah melalui Sistem Permohonan Anugerah Kecemerlangan Akademik yang disediakan di pautan <https://spaka.mohe.gov.my>.

4



Permohonan AKRI 2025 akan dibuka pada **23 Jun 2025 (Isnin)** dan ditutup pada **22 Julai 2025 (Selasa)**, jam 5.00 petang. Pemohon digalakkan untuk menghantar permohonan lebih awal bagi mengelakkan sebarang kesulitan. Sila layari syarat dan peraturan untuk semua kategori di <https://jpt.mohe.gov.my/akri/>.

MAKLUMAT TAMBAHAN



Setiap Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) hanya dibenarkan mengemukakan **SATU** (1) permohonan / pencalonan sahaja bagi **setiap kategori / sub kategori**.



Setiap IPT perlu melantik **penyelaras di peringkat IPT** bagi menilai dan memastikan permohonan adalah menepati syarat dan kriteria yang ditetapkan sebelum mengesahkan permohonan untuk diperaku oleh **Ketua Institusi**.



TERIMA KASIH

**JABATAN PENDIDIKAN TINGGI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

No. 2, Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. Putrajaya